



Moh Poto!

## KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera  
30 November 2022**

### **MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA 2022 KEKAL RELEVAN**

### **SEBAGAI ACARA TAHUNAN LITERASI KEWANGAN NEGARA**

*Pelbagai elemen kelestarian diperkenalkan dan aktiviti interaktif diadakan untuk meningkatkan tahap literasi kewangan kepada pelbagai lapisan masyarakat dan umur*

**PORT DICKSON, 30 November 2022** – Setelah tujuh hari berlangsung, Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2022 anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah melabuhkan tirainya. Majlis penutup MSAM 2022 telah disempurnakan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Harun yang diiringi oleh Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria. Turut hadir adalah Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn dan kepimpinan kanan Rakan Korporat MSAM 2022.

Acara MSAM 2022 telah mendapat sambutan yang menggalakkan oleh pengunjung daripada semua lapisan masyarakat dan umur termasuklah golongan muda. Pameran dan aktiviti mesra keluarga tersebut telah memperkenalkan pelbagai elemen kelestarian serta menyediakan pelbagai aktiviti interaktif bertujuan untuk mendidik orang ramai mengenai pelaburan serta meningkatkan tahap literasi kewangan mereka. MSAM 2022 kali ini telah menerima kunjungan bukan sahaja daripada warga Port Dickson dan kawasan sekitarnya malah dari pelosok negara termasuk Kelantan, Melaka dan Kuala Lumpur. Selain menjadi acara tarikan fizikal di Port Dickson, MSAM 2022 turut mendapat sambutan yang menggalakkan melalui Facebook dan Instagram rasmi PNB dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

Tun Arifin berkata, "Saya amat berbesar hati kerana MSAM di Port Dickson ini turut menarik minat pengunjung muda. Saya difahamkan sepanjang MSAM diadakan, lebih daripada 120,000 orang ramai telah mengunjungi, di mana sejumlah 17,000 pengunjung terdiri daripada kanak-kanak dan pelajar sekolah. Alhamdulillah, ini membantu usaha PNB melahirkan lebih ramai masyarakat yang celik kewangan khususnya dalam kalangan generasi muda."

Bersempena MSAM 2022 ini juga, Tun Arifin dan Ahmad Zulkarnain Onn telah melancarkan produk dana unit amanah harga berubah baharu ASNB iaitu ASN Sukuk, dengan ciri-ciri risiko rendah dan penjanaan pendapatan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang. Nilai pelaburan minimum ASN Sukuk adalah sebanyak RM10 dengan pelaburan tambahan serendah RM1.00. Pelabur boleh melanggan ASN Sukuk secara dalam talian di portal dan aplikasi mudah alih myASNB, perbankan internet, atau perkhidmatan kaunter di 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. Dana ini telah menerima sambutan yang baik dalam kalangan orang ramai semenjak dilancarkan.

MSAM 2022 membawa tema “Melestarikan Pelaburan ke Arah Masa Hadapan Mampan”, selari dengan aspirasi PNB menyokong penciptaan nilai mampan jangka panjang dan mandat yang diamanahkan untuk meningkatkan kesejahteraan dankekayaan Bumiputera dan juga seluruh rakyat Malaysia.

Antara elemen kelestarian yang diterapkan dalam MSAM 2022 termasuklah penggunaan panel solar yang telah membekalkan tenaga elektrik untuk lampu-lampu di sepanjang 150 meter laluan utama koridor khemah dan dapat menjimatkan hampir 25% penggunaan tenaga elektrik. Selain itu, MSAM 2022 turut menyediakan mesin Bin-Less & Earn yang mana lebih 10 kilogram botol minuman plastik dan tin aluminium telah berjaya dikumpulkan. Bagi memenuhi agenda Sosial dalam aspirasi kelestarian, PNB juga telah menyediakan peruntukan sejumlah RM1.5 juta untuk menyumbang kepada kerja-kerja menaik taraf unit Hemodialisis di Hospital Port Dickson.

Pada hari terakhir pameran, PNB telah mengumumkan pemenang tiga hadiah utama e-Peraduan. Mohd Safari Hamizan, 47 tahun, dari Negeri Sembilan telah membawa pulang sebuah kereta elektrik Hyundai Kona e-Lite. Shahril Dasti, 46 tahun dari Selangor pula telah membawa pulang sebuah kereta elektrik Toyota Corolla Cross Hybrid manakala sebuah sebuah Perodua Alza 1.5 AV menjadi milik Afzatul Marwa Ahmad, 46 tahun dari Negeri Sembilan.

PNB mengucapkan terima kasih kepada warga Port Dickson, kerajaan Negeri Sembilan, Rakan Korporat MSAM 2022, peserta pameran, agensi kerajaan, pihak media dan badan kawal selia. Rakan Korporat MSAM 2022 terdiri daripada Malayan Banking Berhad (Maybank), Sime Darby Plantation Berhad, UMW Holdings Berhad, S P Setia Berhad, Sime Darby Berhad, Sime Darby Property Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), MNRB Holdings Berhad, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua), Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Berhad (Prolintas) dan Duopharma Biotech Berhad.

- Tamat -

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Pos Malaysia, Maybank, CIMB Bank, RHB Bank, BSN, Ambank, Affin Bank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Alliance Bank dan Bank Islam. ASNB kini mengurus 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 280 bilion dan lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

